

27 OCT 1998

PIKOM-INDUSTRI/I

PIKOM SEMAK KADAR PERTUMBUHAN PEROLEHAN BAGI INDUSTRI KOMPUTER KEPADA

3.5 PERATUS

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Industri komputer tempatan sedang diambang peralihan daripada penguncupan pertumbuhan perolehan sebanyak 10 hingga 11 peratus tahun ini kepada pertumbuhan positif berjumlah kira-kira 3.0 hingga 5.0 peratus tahun depan, terutamanya kerana dirangsang oleh galakan-galakan yang diberikan dalam Belanjawan 1999, kata Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM).

Pengerusinya Shaifubahrim Saleh berkata persatuan itu telah menyemak dan menaikkan unjuran pertumbuhan perolehan bagi tahun depan daripada satu peratus sebelumnya kepada tiga hingga lima peratus selepas mengambil kira Belanjawan 1999.

Jumlah dagangan industri ini bagi tahun 1997 ialah kira-kira RM4.8 bilion, katanya pada satu majlis taklimat media mengenai ceramah CEO2CEO Pikom mengenai Y2K di sini hari ini.

Belanjawan 1999 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu mengumumkan peruntukan berjumlah RM210 juta bagi pembangunan Teknologi Maklumat (IT).

Daripada jumlah tersebut, RM110 juta adalah bagi pembangunan aplikasi utama di bawah sektor awam, iaitu teleperubatan, kerajaan elektronik, sekolah bestari dan kad serba guna, di bawah projek perintis Koridor Raya Multimedia (MSC).

Baki RM100 juta akan digunakan untuk menangani masalah Y2K.

Menyentuh tentang peruntukan bagi Y2K itu, Shaifubahrim berkata, "Saya rasa peruntukan ini tidak mencukupi tetapi ini langkah baik, ertinya, selain daripada RM30 juta yang diberikan sebelumnya, kerajaan memperuntukkan RM100 juga, ini cukup baik, tapi saya rasa masih tidak cukup."

Beliau berharap kerajaan akan "bersikap terbuka dan memperuntukkan lebih banyak jika diperlukan kerana jika jabatan-jabatan kerajaan yang penting melalui analisis kesan, maka mereka akan lebih tahu berapa banyak yang akan mereka perlukan," tambah beliau.

Menurut beliau Pikom menganggarkan bahaw perbelanjaan bagi Y2K akan memuncak tahun depan dan jumlah yang diperlukan sekurang-kurangnya RM1 bilion.

"Dengan bermulanya semua projek utama IT, lebih banyak projek Y2K dijalankan dan akan ada lebih banyak syarikat IT tempatan mengesport keluaran mereka disebabkan oleh faedah cukai berganda yang terkandung di dalam Belanjawan, dan perolehan industri ini akan tumbuh," tambah beliau.

Mengenai ceramah CEO2CEO yang akan diadakan di Saujana Golf & Country Club di Subang pada 13 Nov, Shaifubahrim mengumumkan bahawa ia akan diterajui oleh konglomerat perkilangan multinasional - Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd.

-- BERNAMA

RIZ KY MA